

Singapura Hantar Pesawat C130 Bantu Cari Pesawat MH370
Bername
8 Mac, 2014

SINGAPURA, 8 Mac (Bernama) -- Singapura menghantar sebuah pesawat C130 Hercules pada Sabtu untuk membantu misi mencari dan mengesan pesawat Malaysia Airlines (MAS) yang hilang ketika dalam penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Beijing.

Pesawat MH370 itu dijadualkan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing, kata Tentera Udara Republik Singapura (RSAF).

Pesawat berkenaan, yang membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal, terputus hubungan dengan Menara Kawalan Udara Subang setelah berlepas dari KLIA pada pukul 12.41 pagi Sabtu.

Terdahulu, Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong menghubungi rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak melalui telefon untuk menyampaikan perasaan simpati dan prihatinnya berhubung perkara itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020357>